

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTIRI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

RUJUKAN TAWARAN: JPA/1.4/UPK/EST/001

TAJUK TAWARAN:

**“TERM CONTRACT FOR HOUSEKEEPING SERVICES AT BANGUNAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (2022 – 2023)”**

**BAYARAN TAWARAN: BND 5.00
(Tidak dikembalikan)**

1. Dibukakan kepada Syarikat-syarikat atau Vendor yang mempunyai sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan hendaklah ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat. Pada sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini dengan jelas. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dan di alamatkan seperti berikut:

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUTHARGA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
BLOK 2D, JALAN KUMBANG PASANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

3. Setiap borang tawaran hendaklah diisikan dengan lengkap dan mana-mana pembetulan hendaklah ditandatangani.
4. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Hari Selasa, 16 Ogos 2022, jam 2.00 petang**. Mana-mana tawaran yang lewat di terima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dan pembayaran Bayaran Tawaran hendaklah dibayar di **Kaunter Lobi, Aras 1, Jabatan Perkhidmatan Awam, Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu), **jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang**.
6. **Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan Sijil Pendaftaran Perniagaan masih sah laku sebelum membuat pembelian dokumen tawaran.**

7. Penender hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Pembayaran. Kegagalan Penender dalam menyediakannya boleh menyebabkan tawaran yang dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.